



## **KENYATAAN MEDIA**

**YB. DATO' DR. SHAMSUL ANUAR BIN HJ NASARAH**  
**MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI**

### **KEJADIAN TANAH RUNTUH** **DI THE BANJARAN HOTSPRINGS RETREAT, TAMBUN** **PADA 10 NOVEMBER 2020 (SELASA)**

---

Kejadian tanah runtuhan di cerun kaki bukit batu kapur di dalam kawasan The Banjaran Hotsprings Retreat, Tambun dilaporkan telah berlaku pada sekitar jam 1:00 pagi 10 November 2020. Dalam kejadian tersebut, sebuah vila yang dianggarkan terletak 15 - 20 meter dari kaki bukit batu kapur tersebut telah tertimbas oleh runtuhan tanah. Dua mangsa iaitu pelancong tempatan yang menginap di vila tersebut dilaporkan turut tertimbas. Ketinggian keseluruhan bukit batu kapur tersebut dianggarkan sekitar 200 meter.

Kejadian tanah runtuhan berlaku selepas hujan yang lebat melebihi daripada biasa di sekitar kawasan Tambun dan Ulu Kinta pada sebelah petang dan malam 9 November ( Isnin). Operasi mencari dan menyelamat telah dijalankan pada 10 November 2020 (Selasa) dan telah ditamatkan pada 11:30 pagi, setelah kedua-dua mangsa berjaya ditemui.

Berdasarkan siasatan awal Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG), anggaran keluasan runtuhan adalah 5,000 meter persegi melibatkan dari ketinggian 50 - 100 meter. Terdapat aliran air yang keluar dari beberapa retakan yang terdapat pada sepanjang muka cerun yang menghadap ke

deretan vila The Banjaran Hotsprings Retreat. Penilaian lapangan oleh JMG mendapati cerun yang mengalami runtuhan masih belum stabil, dan runtuhan kecil masih berlaku. Terdapat juga beberapa blok batuan yang ‘tergantung’ (*hanging blocks*) bersaiz antara 5 - 10 meter di tempat kejadian yang berisiko untuk mengalami keruntuhan pada bila-bila masa.

Sehubungan itu, Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) menasihati semua pihak supaya mengambil langkah berjaga-jaga. KeTSA melalui Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia akan terus membantu pihak berkuasa tempatan dalam memantau kestabilan cerun di kawasan tersebut dan memberi khidmat nasihat keselamatan dan perancangan pembangunan di lereng-lereng bukit selaras dengan Garis Panduan Penentuan Zon Bahaya di Sekitar Bukit Batu Kapur (JMG.GP.15).

**DATO' DR. SHAMSUL ANUAR BIN HJ NASARAH  
MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI**

**11 NOVEMBER 2020**